
RANG UNDANG-UNDANG PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR (PINDAAN) 2021 DILULUSKAN OLEH DEWAN NEGARA

Rang Undang-Undang (RUU) Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2021 telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 21 Disember 2021. Ia adalah untuk menambahbaik Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*] bagi meningkatkan keberkesanan perundangan konservasi hidupan liar.

Antara pindaan yang dibuat termasuk meningkatkan denda maksimum daripada RM500,000.00 kepada RM1 juta dan hukuman penjara maksimum daripada 10 tahun kepada 15 tahun supaya dapat mencegah dan memberikan pengajaran sewajarnya kepada pelaku jenayah hidupan liar. Di samping itu, terdapat peruntukan baharu bagi membolehkan tindakan diambil terhadap individu yang mengiklankan penjualan hidupan liar dalam talian (*online*) serta kutipan fi bagi aktiviti di dalam kawasan rizab hidupan liar dan kawasan perlindungan hidupan liar.

Pindaan yang dilaksanakan ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan dalam memastikan pengawalan dan penguatkuasaan dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan bagi menjamin kelangsungan khazanah hidupan liar negara yang tidak ternilai.

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI
30 Disember 2021